

Keluar' dan sebagainya. Keunikan tersebut dapat dilihat pada reka bentuk Istana Darussalam yang terletak di Kampong Sumbiling, Bandar Seri Begawan.

ISTANA-ISTANA DI BRUNEI

Haji Awang Adanan bin Haji Abdul Latif

Mengikut takrif dalam *Kamus Bahasa Melayu Nusantara* perkataan ‘istana’ membawa pengertian rumah kediaman rasmi Raja, (Presiden) dan keluarganya. Istana dibina khusus untuk kediaman Raja atau Ketua Negara. Istana mempunyai reka bentuk yang berlainan dengan sebarang bentuk binaan yang lain. Perbezaan tersebut terletak pada seni bina bentuk luaran, dalaman dan juga hiasannya. Dalam hikayat-hikayat dan cerita-cerita Melayu lama banyak digambarkan tentang keindahan dan keistimewaan istana.¹ Konsep istana ini masih lagi diguna pakai oleh negara-negara yang mempunyai Raja atau Presiden tidak kira sama ada di negara Asia maupun di negara barat.

Seni bina² istana mempunyai beberapa ciri tertentu, seperti Balai Penghadapan dan Balai Pamajangan, manakala ruang legarnya pula sangat luas. Seni reka bentuknya pula tergantung kepada siapa yang akan mendiami kediaman tersebut kerana pada zaman dahulu status seseorang itu boleh dikenali melalui reka bentuk tempat kediamannya. Hiasan dalamannya pula mempunyai konsep atau corak istana Melayu lama seperti rawa-rawa lidah, ukiran awan larat yang khas (lihat gambar) dan tempat duduk yang tertentu. Di dalam istana itu juga disediakan tempat-tempat khas dengan nama-nama tertentu seperti ‘Peningkah Atas Peningkah Bawah’, ‘Jalan Masuk’, ‘Jalan



Keunikan seni reka hiasan Istana Darussalam yang terletak di Kampong Sumbiling, Bandar Seri Begawan.

¹ Seperti *Hikayat Hang Tuah*, *Hikayat Malim Deman* dan lain-lain lagi.

² Seni bina didefinisikan sebagai reka bentuk pembinaan sesebuah bangunan yang berhubungkait dengan pembinaan rumah, istana, masjid dan sebagainya. Saiz atau ukuran pembinaan sesebuah bangunan itu tertakluk kepada kemampuan dan keperluan pemilik bangunan tersebut. Segala reka bentuk ini dapat memperlihatkan ketinggian mutu seni binaannya dan kemahiran tukang yang membuatnya.

Catatan Awal Istana Sultan

Dalam konteks sejarah awal pembukaan Negeri Brunei, istana Sultan didirikan di atas air. Terdapat beberapa catatan awal mengenai bayangan reka bentuk seni bina istana Sultan pada zaman lampau, sebagaimana yang dicatatkan oleh Chau Ju-kua pada zaman Dinasti Sun (TM 920–1279) yang mengatakan bahawa istana Brunei pada waktu itu menggunakan sejenis daun yang bernama ‘Pei-to’ sebagai atapnya, manakala rumah rakyatnya pula menggunakan rumput.³

Begitu juga seorang ahli pelayaran berbangsa Itali, Antonio Pigafetta yang singgah ke Brunei pada tahun 1521 telah mencatatkan mengenai keadaan Bandar Brunei dan kedudukan rumah rakyat Brunei serta istana Sultan pada masa itu.

That city is all built in salt water, except the King's house and the house of certain chief men. And it has twenty or twenty-five thousand hearths. All their house are of wood and build on great became raised from ground ...⁴



Negeri Brunei pada KM XIX dalam buku *Borneo and the Indian Archipelago 1848* yang menggambarkan struktur dan kedudukan istana Sultan Brunei pada masa itu.

Berdasarkan kenyataan tersebut istana Sultan dikatakan terletak di daratan, ini adalah untuk membezakan istana daripada rumah orang biasa. Antonio Pigafetta juga mencatatkan keindahan istana Sultan pada masa itu:

Kami masuk ke Balairong Istana dengan menaiki gajah dan kemudian (berjalan) naik dengan menaiki tangga. Di hadapan dan di hujung bulai itu terdapat lagi satu tangga iaitu lebih tinggi tetapi tidak begitu lebar dengan tabir sutera yang bergantung dan dari situ nampak dua buah jendela terbuka dengan tirainya merah, dari mana cahaya memasuki menerangi bulai itu. Kelihatan 300 huluhalang berdiri dengan memegang pedang dan tombak menjaga Sultan. Di hujung bulai itu ada lagi sebuah jendela dan apabila tirai merah dinaikkan, kami nampak di dalamnya Sultan sedang duduk ... Di hadapan istana Sultan terdapat satu tembok batu batu yang tebal dengan menara herbentuk seperti kubu dan di atasnya terletak 56 pucuk bedil tembaga yang besar dan 6 pucuk bedil besi ...⁵

Francisco de Sande, ketua angkatan Sepanyol yang datang ke Brunei pada tahun 1578 mencatatkan:

... Bandar itu (Kampung Air) amat besar dan makmu; dan telah dibina di sungai (di air) yang lebar-panjang dan dalam, dan ia kelihatan seperti sebuah lagi Bandar Venice. Bangunan-bangunan diperbuat daripada kayu-kayu, rumah-rumah dibina dengan baik (kukuh), banyak di antaranya dibina daripada batu dan dihiasi dengan daun-daun emas terutamanya sebuah Istana indah iaitu sebuah bangunan yang amat besar dan menarik yang kelihatan seolah-olah dipenuhi oleh ukiran-ukiran berbunga dan hiasan-hiasan daun emas.

Semasa pemerintahan Sultan ‘Omar ‘Ali Saifuddin I, keadaan istana baginda telah dicatatkan oleh beberapa pengunjung luar ke negeri ini sebagaimana berikut:

³ Hirth, E. & Rockhill, W.W., *Chau Ju Kua: His work on the Chinese and Arab Trade in the Twelfth and Thirteenth Centuries*, Paragon Book Reprint Corp., 1966, h. 155.

⁴ R.A. Skelton 1969, h. 106.

⁵ R.A. Skelton 1969, h. 106.

Istana itu beratapkan daun nipah, lantainya diperbuat dari batang-batang nibung yang dibelah. Balai Penghadapan yang besar dialaskan dengan tikar; dihias dengan kain warna-warni yang digantung dan di bahagian paling hujung ialah takhta yang seakan-akan katil yang keemasan dan bercat khas untuk Duli Yang Maha Mulia Sultan.⁶

Walau apapun keadaan atau gambaran reka bentuk istana yang telah dicatatkan khususnya oleh pengunjung luar sedikit sebanyak bahan catatan tersebut boleh dijadikan sukat-sukat atau rujukan mengenai reka bentuk istana Brunei pada zaman silam.

Reka bentuk dan bahan binaan istana sebenarnya dipengaruhi oleh keadaan, peredaran zaman dan persekitaran di mana istana itu didirikan. Mengikut cerita lisan, sebagaimana yang diceritakan oleh Awang Haji Morsidi bin Tamin⁷ kepada penulis, istana Sultan Ahmad Tajuddin yang terletak di Kampong Tentaya pada zaman pemerintahan Jepun dahulu diperbuat daripada daun nipah, atap kajang dan potongan atau belahan kayu nibung.

Begitu juga dengan ‘Istana Majalis’ yang merupakan istana pertama yang dibina di darat dengan menggunakan bahan konkrit dan kayu-kayan yang didatangkan dari kilang sesuai dengan zamannya.



Istana Majalis iaitu istana pertama yang dibina di darat pada tahun 1921 yang sekarang menjadi tapak Bangunan Pejabat Pos Besar, Bandar Seri Begawan.

Seperti binaan manusia yang lain, istana juga mengalami perubahan dari segi bahan binaan, reka bentuk dan tempat mengikut peredaran zaman. Berikut ialah antara istana yang terdapat di Brunei yang sempat dikumpul dan dirakamkan untuk ristaan sejarah.

Istana Sugara

Istana Sugara mula dibina pada zaman pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ahmad Tajuddin (TM 1924–1950). Bekas tapak istana ini dikatakan terletak berhadapan dengan Jalan Sultan dan Dewan Majlis Mesyuarat (lapau), Bandar Seri Begawan.



Bahan binaan istana ini terdiri daripada kayu, papan yang dilapis dengan cat berwarna kuning dan jendelanya berbingkai serta bercermin jernih.⁸ Manakala atapnya terdiri daripada bahan keping kayu bulian. Istana ini dua tingkat dan dindingnya terdiri daripada bahan konkrit (simen dan batu bata). Jenis atapnya pula ialah ‘atap belah bubung’ yang mencerminkan corak rumah orang melayu asli. Istana ini mempunyai tiga atap yang menunjukkan kreativiti tukang yang membinanya.

Istana Sugara ialah kediaman rasmi bagi Sultan Ahmad Tajuddin dan pernah menjadi tempat Sultan Haji ‘Omar ‘Ali Saifuddien III belajar bertukang perak daripada Awang Damit bin Awang Hassan⁹ dan belajar menenun kain daripada Dayang Azizah binti Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Haji Awang Mohammad Daud.¹⁰ Di istana ini juga berlangsung Istiadat Berkhatan bagi Sultan Haji ‘Omar ‘Ali Saifuddien III pada tahun 1930.¹¹ Selain itu istana ini pernah dijadikan sekolah sementara selepas pemerintahan Jepun pada tahun 1945.

⁶ E: Belcher 1843: 57-58.

⁷ Awang Haji Morsidi adalah salah seorang tukang yang sama-sama membina istana tersebut semasa zaman pendudukan Jepun di Brunei. Beliau juga adalah adik kepada Allhyarham Pehin Datu Amar Setia Diraja Awang Haji Kassim bin Tamin (bekas Ketua Kampong Tentaya).

⁸ Mungkin sebab itulah istana ini dipanggil dengan nama Istana Kaca.

⁹ Riwayat hidup Sultan Haji ‘Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien (tidak terbit).

¹⁰ Ibid.

¹¹ Ibid.

Istana Banderung Kayangan

Istana Banderung Kayangan yang dibina pada tahun 1930-an¹², terletak di Kampong Tumasek berhampiran dengan surau Istana Darul Hana dan jalan masuk ke Istana Nurul Iman (bahagian belakang). Bahan binaan istana keseluruhannya daripada kayu, dan tiangnya daripada bahan konkrit (Simen). Istana Banderung Kayangan juga dikenali sebagai Istana Tumasek.

Jenis atap istana ini ialah ‘atap putong limas’ yang berlanggar (beranda), di sekelilingnya dipagari dengan tiang-tiang yang kecil berukuran 0.6 meter tinggi yang direka bentuk khas dengan cat warna kuning, bertujuan untuk menjadi ruang ‘tamu’ atau ruang rehat. Pada awalnya istana ini beratapkan kepingan atap bulian. Pada tahun 1970-an, istana ini telah dibaikpulih, atapnya ditukarkan dengan jenis besi dan tiangnya dilorek dengan lorekan corak geometri. Istana ini juga mempunyai beranda yang bersambung dengan tangganya. Salah satu peristiwa penting yang pernah berlaku di istana ini ialah seperti Istiadat Majlis Perkahwinan Sultan Haji ‘Omar ‘Ali Saifuddien III dengan Pengiran Anak Damit binti Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman pada 6 September 1938.¹³



Istana Darussalam

Istana Darussalam dibina pada sekitar tahun 1940-an, di tebing Sungai Sumbiling, Kampong Sumbiling Lama, Bandar Seri Begawan. Keluasan kawasan istana ini kira-kira 0.75 ekar. Keseluruhan bahan binaan terdiri daripada bahan kayu yang bermutu dan keras dengan kos pembiayaan lebih kurang sebanyak \$7,000.00.

Reka bentuk istana ini juga memperlihatkan ciri-ciri seni binaan Melayu Brunei. Kebawah Duli yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah diputerakan di istana ini pada 15 Julai 1946. Pada tahun 1947, sebahagian bawah bangunan istana ini pernah digunakan sebagai *private office* Sultan Haji ‘Omar ‘Ali Saifuddien III ketika baginda menjadi Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Bendahara. Kini Istana Darussalam tidak lagi didiami oleh keluarga Diraja namun pemuliharaan kawasan dan istana ini masih lagi diutamakan.



Istana Darul Hana

Istana Darul Hana dibina pada tahun 1950 dan siap pada tahun 1951.¹⁴ Istana ini terletak di atas bukit Kilometer 3, Jalan Tutong berhadapan dengan Sungai Brunei. Keluasan kawasan istana ini kira-kira 6 ekar. Bahan

binaan yang digunakan untuk pembinaannya terdiri daripada konkrit dan simen. Istana ini mula didiami secara rasmi pada 10 Mei 1951.¹⁵ Istana ini juga tempat persemayaman rasmi Sultan Haji ‘Omar ‘Ali Saifuddien III dari awal pembukaannya



¹² Wawancara penulis dengan Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Perkasa Pengiran Anak Hassan bin Pengiran Sabtu Kamaluddin di Kampong Tumasek, Jalan Tumasek pada 17 Februari 1993.

¹³ Muhammad Hadi bin Abdullah, ‘Peristiwa-Peristiwa Penting dalam Sejarah Hidup Almarhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien’, *Pusaka*, Bil. 9, 1999, h. 59.

¹⁴ *Brunei Annual Report*, 1950, h. 61-62.

¹⁵ *Ibid.*


hingga sekitar tahun 1987 dan juga pernah dijadikan pejabat baginda dari tahun 1950-an hingga 1967.

Istana Kota Manggalela

Istana Kota Manggalela siap dibina sekitar tahun 1950-an. Lokasi istana ini terletak di Batu 4, Jalan Utama Seria, Belait. Bahau binaan keseluruhannya terdiri daripada konkrit dan simen. Bangunan istana ini pernah digunakan oleh tentera British sebagai tempat persinggahan pegawai Tentera British pada tahun 1960-an dan 1970-an. Istana ini juga merupakan tempat persinggahan peranginankerabat Diraja ketika berkenan mengadakan lawatan ke daerah tersebut. Istana ini telah mengalami beberapa pengubahsuaian sehinggalah menjadi bentuknya yang ada sekarang.

Istana Pantai¹⁶

Istana Pantai dibina sekitar tahun 1950-an, terletak berhampiran Pantai Seri Kenangan, Tutong. Keseluruhan bahan binaan istana ini terdiri daripada kayu kecuali tiang dan tangganya. Istana ini juga menjadi tempat persinggahan peranginan Sultan Haji 'Omar 'Ali Saifuddien III apabila baginda berkenan berangkat ke Daerah Tutong.¹⁷



ISTANA-ISTANA DI BRUNEI



partners dan Syarikat Hiang Cheong Construction. Pembinaannya memakan perbelanjaan kira-kira \$1.2 juta. Istana ini merupakan tempat persemayaman atau penginapan rasmi Raja-Raja dan Pembesar-Pembesar Diraja khususnya dari luar negara yang mengadakan lawatan rasmi atau menghadiri acara-acara rasmi negara. Yang Teramat Mulia Prince Philip, The Duke of Edinburgh pernah bersemayam di istana ini semasa Yang Teramat Mulia mengadakan lawatan rasmi negara pada 1 Mac 1965 dan bersempena dengan lawatan tersebut, istana ini dinamakan juga Istana Edinburgh.

Istana Nurul Iman

Istana Nurul Iman mula dibina pada tahun 1980 dan siap pada tahun 1984. Istana ini terletak di atas Bukit Lumadin dengan keluasan kira-kira 120 hektar di Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan. Keseluruhan bahan binaan istana ini adalah daripada konkrit dan dibina oleh Bechtel Corporation dari Amerika Syarikat dan disiapkan oleh Ayala International Filipina. Besar istana ini lebih kurang 525 meter panjang dan 228 meter lebar. Manakala reka bentuknya dihasilkan oleh seorang arkitek tempatan iaitu Pengiran Ismail bin Pengiran Haji Damit.¹⁸ Istana ini mempunyai lebih dari 1500 buah bilik.

Istana ini merupakan tempat persemayaman rasmi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerabat-kerabat Diraja sejak tahun 1984 hingga sekarang. Istana ini juga menempatkan Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Jabatan Perdana Menteri.

16 'The Wonder of Tutong's Magnificent Beach Palace', *Borneo Bulletin*, 14 September 2002, h. 29.

17 Menurut Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Abdul Hamid bahawa Sultan Haji 'Omar 'Ali Saifuddien III bersemayam di istana ini pada setiap bulan Ramadan untuk beribadat.

Istana Tetamu

Istana Tetamu dibina pada tahun 1960-an, terletak di Kawasan Jalan Menteri Besar, Berakas. Bahau binaan yang digunakan bagi membina istana ini adalah daripada konkrit dan dibina oleh Syarikat Booty Edwards and

18 Dikenali sekarang dengan nama Yang Amat Mulia Pengiran Indera Wijaya Pengiran Dr. Haji Ismail bin Pengiran Haji Damit.



Pelbagai acara keraian dan adat istiadat Diraja berlangsung di istana ini seperti Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam sempena Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan, selain itu acara keagamaan juga diadakan setiap tahun seperti Majlis Bertadarus pada setiap bulan Ramadan. Istana ini juga dibukakan untuk junjung ziarah rakyat dan orang ramai Ke Hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerabat Diraja sempena Hari Raya Aidilfitri.

Bibliografi

Borneo Bulletin, 14 September 2002.

Borneo Annual Report, 1950.

E. Belcher 1843.

Hirth, F., & Rockhill, W.W., *Chau Ju Kua: His work on the Chinese and Arab Trade in the Twelfth and Thirteenth Centuries*, Paragon Book Reprint Corp., 1966.

Muhammad Hadi bin Abdullah, ‘Peristiwa-Peristiwa Penting dalam Sejarah Hidup Almarhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien’, *Pusaka*, Bil. 9, Pusat Sejarah Brunei, 1999.

R.A. Skeleton 1969.

Riwayat Hidup Al-Marhum Sultan Haji ‘Omar ‘Ali Saifuddien Sa‘adul Khairi Waddien (tidak terbit).